

UNTUK SIARAN SEGERA

CUCKOO INTERNATIONAL (MAL) BERHAD CATAT PRESTASI STABIL DENGAN KEUNTUNGAN RM55.2 JUTA DAN HASIL RM602.9 JUTA BAGI SEPARUH PERTAMA TAHUN KEWANGAN 2025

TIDAK BOLEH DILEPASKAN, DITERBITKAN ATAU DIEDARKAN, SAMA ADA SECARA KESELURUHAN ATAU SEBAHAGIANNYA, DI DALAM ATAU KE AMERIKA SYARIKAT.

Bahan ini tidak boleh diterbitkan atau diedarkan, secara langsung atau tidak langsung, di dalam atau ke Amerika Syarikat (termasuk wilayah dan jajahannya, mana-mana negeri di Amerika Syarikat, dan Daerah Columbia). Bahan ini bukan suatu tawaran sekuriti untuk dijual di Amerika Syarikat. Sekuriti yang dirujuk di sini belum dan tidak akan didaftarkan di bawah Akta Sekuriti A.S. 1933, sebagaimana yang telah dipinda ("Akta Sekuriti A.S."), dan tidak boleh ditawarkan atau dijual di Amerika Syarikat atau kepada, atau bagi pihak atau manfaat, mana-mana individu A.S. (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Peraturan S di bawah Akta Sekuriti A.S.), kecuali menurut pendaftaran atau pengecualian yang berkenaan daripada pendaftaran di bawah Akta Sekuriti A.S. Tiada tawaran awam sekuriti sedang dibuat di Amerika Syarikat.

TIDAK BOLEH DILEPASKAN, DITERBITKAN ATAU DIEDARKAN, SAMA ADA SECARA KESELURUHAN ATAU SEBAHAGIANNYA, DI DALAM ATAU KE REPUBLIK KOREA.

Bahan ini tidak boleh diterbitkan atau diedarkan, secara langsung atau tidak langsung, di dalam atau ke Republik Korea. Bahan ini bukan merupakan tawaran sekuriti untuk dijual di Republik Korea. Sekuriti yang dirujuk di sini tidak boleh ditawarkan atau dijual di Republik Korea atau kepada, atau bagi pihak atau manfaat pemastautin Korea (sebagaimana istilah tersebut ditakrifkan dalam Akta Transaksi Pertukaran Asing Republik Korea). Tiada tawaran awam sekuriti yang sedang dibuat di Republik Korea.

- **Meneruskan momentum pasca IPO, CUCKOO Malaysia mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju pasaran pada separuh pertama tahun kewangan 2025 dengan hasil berjumlah RM602.9 juta dan keuntungan sebanyak RM55.2 juta.**
- **CUCKOO Malaysia memaparkan pengurusan berhemat dalam menangani cabaran ekonomi dan pertumbuhan secara bertanggungjawab dengan meningkatkan peruntukan kredit pada S1TK2025 bagi memastikan kestabilan dalam jangka panjang.**
- **CUCKOO Malaysia berhasrat untuk meneruskan momentum keputusan separuh pertama tahun kewangan 2025 dengan memanfaatkan dana IPO secara strategik bagi memperluaskan penawaran produk, mengukuhkan kedudukannya di pasaran Malaysia dan Singapura, serta mempertingkatkan infrastruktur operasi.**

KUALA LUMPUR, 14 Ogos 2025 - CUCKOO International (MAL) Berhad ("**CUCKOO Malaysia**" atau "**Syarikat**", KLSE: **CKI, 5336**), peneraju Pencipta Kediaman Sihat, hari ini mengumumkan keputusan kewangan belum diaudit bagi separuh pertama tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, mencatatkan hasil berjumlah RM602.9 juta dan keuntungan sebanyak RM55.2 juta bagi tempoh tersebut. Pencapaian ini menunjukkan daya tahan serta momentum pertumbuhan mampan Syarikat, disokong oleh kejayaan penyenaraian di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada Jun 2025.

Pada suku kedua berakhir 30 Jun 2025 ("**S2TK2025**"), CUCKOO Malaysia merekodkan hasil sebanyak RM306.7 juta, meningkat 3.5% suku ke suku. Keuntungan sebelum cukai (**PBT**) berjumlah RM38.4 juta, sedikit lebih tinggi berbanding suku sebelumnya. Walau bagaimanapun, keuntungan pada suku ini telah diimbangi oleh perbelanjaan penyenaraian sekali sahaja sebanyak RM4.7 juta, dan diuruskan melalui peningkatan strategik dalam kerugian penurunan nilai bersih ke atas instrumen kewangan, mencerminkan peruntukan kredit berhemat sebagai respons kepada perubahan trend pembayaran dalam persekitaran ekonomi pengguna yang lebih mencabar. Tanpa mengambil kira kos berkaitan penyenaraian, jumlah PBT terlaras adalah sebanyak RM43.1 juta, manakala keuntungan bersih terlaras dianggarkan sekitar RM32.1 juta.

Segmen jenama CUCKOO ("CUCKOO-branded") kekal sebagai pemacu utama hasil pada S2TK2025, menyumbang 77.0% atau RM236.1 juta daripada jumlah hasil. Sementara itu, segmen CUCKOO Co-Created menyumbang 22.8% atau RM69.9 juta, dipacu oleh peningkatan jualan unit dan peluasan penawaran produk. Keuntungan kasar Syarikat bagi tempoh tersebut meningkat kepada RM99.3 juta, disokong oleh penambahbaikan margin serta kecekapan operasi.

Pendapatan sesaham (EPS) bagi tempoh enam bulan ialah 4.20 sen.

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat, Hoe Kian Choon (KC Hoe)

berkata, "Kami kekal yakin dengan prospek pertumbuhan jangka panjang kami, disokong oleh permintaan kukuh terhadap penyelesaian gaya hidup lebih sihat serta model perniagaan berasaskan sewaan kami yang terus berkembang.

Namun begitu, kami sedang memantau dengan teliti dan mengurus secara proaktif potensi kesan kenaikan kos sara hidup, yang boleh mempengaruhi corak pembayaran balik dalam kalangan pelanggan sewaan kami. Peruntukan kredit yang lebih tinggi pada suku ini adalah hasil daripada penilaian risiko kredit yang berhemat, satu pilihan strategik bagi memastikan kestabilan sambil mengembangkan perniagaan secara bertanggungjawab. Dengan sokongan model perniagaan yang berdaya tahan, kami secara aktif memperkukuhkan pengurusan bayaran sewaan kami bagi menangani situasi semasa dengan berkesan dan mengekalkan pertumbuhan mampan yang menguntungkan."

Bagi meneruskan momentum yang kukuh pada separuh pertamanya, Syarikat kekal komited untuk memperluaskan kehadiran pasaran dan keupayaannya bagi memberikan perkhidmatan yang lebih cekap kepada pangkalan pelanggan yang lebih luas. Usaha ini akan dilaksanakan dengan memanfaatkan kekuatan jenama, model sewaan yang berdaya tahan, dan rangkaian pengedaran berbilang saluran (*omni-channel distribution network*). Dana IPO akan digunakan untuk keperluan strategik utama, termasuk memperluaskan rangkaian produk dan perkhidmatan penjagaan rumah, meningkatkan akses pengguna melalui pelancaran "cash and carry" CUCKOO Brandshop, melabur dalam logistik, sistem pengurusan gudang dan menaiktaraf infrastruktur IT, serta mengembangkan perniagaan ke pasaran Singapura.

Walaupun tekanan inflasi mungkin menjejaskan perbelanjaan pengguna dalam jangka masa terdekat, Syarikat kekal optimis secara berhati-hati memandangkan model berasaskan sewaan terus mendapat sambutan dalam kalangan isi rumah yang menginginkan penyelesaian gaya hidup lebih sihat dan fleksibel. Dengan memanfaatkan trend ini serta mengukuhkan infrastrukturnya, CUCKOO Malaysia berada pada landasan yang betul untuk mengekalkan pertumbuhan dan memantapkan kedudukannya sebagai peneraju industri.